



10 **AMALAN MALAM TERAKHIR RAMADAN**



MASJID AL-KHAIR

01

MEMINTA PENGAMPUNAN

Daripada Aishah RA, bahawa beliau bertanya Nabi SAW: "Wahai Nabi Allah, jika aku bertemu dengan malam al-Qadar maka apa yang sepatutnya aku ucapkan. Nabi SAW bersabda:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي

"Ya Allah Ya Tuhan Kami, sesungguhnya Kamu Maha Pengampun dan amat suka akan keampunan, maka berikanlah keampunan kepadaku".

[At-Tirmidzi (3513), Ibn Maajah (3850), Ahmad (25384)]

Meminta pengampunan merupakan amalan yang paling mudah dan sangat digalakkan terlebih lagi di bulan Ramadan. Ini kerana Ramadan merupakan bulan yang diharapkan segala dosa terampun. Nabi SAW bersabda: "Sungguh rugi seseorang yang masuk bulan Ramadan, kemudian bulan itu berlalu sebelum dia diampunkan".

[At-Tirmidzi (3545)]





02

I'TIKAF DI MASJID

Dari 'Aishah RA bahwa Nabi SAW selalu beri'tikaf pada sepuluh hari terakhir dari bulan Ramadhan hingga beliau wafat, kemudian isteri-isteri beliau beri'tikaf sepeninggalnya.

[Bukhari (2026), Muslim (1172)]

- 1** I'tikaf adalah perbuatan duduk di masjid dengan niat mendekatkan diri kepada Allah.
- 2** Pastikan i'tikaf dilakukan di kawasan khas i'tikaf seperti yang dilakarkan pentadbiran masjid (biasanya di dewan solat utama).
- 3** Disunnatkan bagi yang beri'tikaf untuk menyibukkan diri dengan apa sahaja ibadah seperti solat, membaca Quran, berzikir dan sebagainya.



03

SOLAT TARAWIH LENGKAP BERSAMA IMAM

Diriwayatkan oleh Abu Dzar Al-Ghifari: Rasulullah SAW bersabda, **“Sesungguhnya seorang lelaki yang solat bersama imam sehingga selesai, dikira baginya solat sepanjang malam”**.

[Abu Dawud 1375]

- 1** Imam Ahmad berkata, “Aku suka jika seseorang solat berjemaah dengan imam dan witr bersamanya”. Diriwayatkan bahwa Imam Ahmad solat berjemaah bersama manusia dan witr bersama mereka, dan tidak bersurai hingga imam selesai dari solat (witr). [Masa’il Imam Ahmad, ms. 90]
- 2** Ini adalah untuk merebut ganjaran solat sepanjang malam seperti dalam hadis, walaupun solatnya bersama imam hanya 30 minit.

04

QIYAMULLAIL

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda: **"Barangsiapa yang mendirikan malam Lailatul Qadr dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu."**

[Bukhari (1901), Muslim (760)]

- 1** Qiyamullail bererti mendirikan solat di waktu malam iaitu dengan melaksanakan solat tarawih di bulan Ramadan dan tahajjud.
- 2** Waktu terbaik untuk melaksanakan solat tahajjud adalah 1/6 malam yang keempat dan kelima. Daripada Abdullah bin Amr berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Solat yang paling disukai oleh Allah adalah solat (Nabi) Daud. Dia tidur selama setengah malam, kemudian bangun untuk beribadah sepertiga malam, dan tidur lagi selama seperenam malam. Dia berpuasa sehari dan berbuka sehari". [Bukhari (1131), Muslim (1159)]

Gambar Rajah: Angaran Waktu Terbaik Untuk Qiyamullail





05

BERSEDEKAH

Diriwayatkan oleh Abdullah Ibn 'Abbas, berkata: **"Rasulullah SAW adalah manusia paling pemurah, dan beliau adalah yang paling banyak bersedekah pada bulan Ramadan** ketika bertemu dengan Jibril. Beliau bertemu Jibril setiap malam di bulan Ramadan dan bersama-sama bertadarus Al-Quran. Sesungguhnya Rasulullah SAW lebih dermawan dalam kebaikan daripada angin yang bertiup kencang".

[Bukhari (3220), Muslim (2308)]

- 1** Keistimewaan bersedekah adalah ia merupakan salah satu amalan yang tidak berhenti pahalanya dengan pemergian pelakunya, sebaliknya, ia sentiasa mengalir selagi mana hasil dari sedekah itu dimanfaatkan orang.
- 2** Orang yang bersedekah malah dijanjikan bertambah hartanya. [Surah Saba', Ayat 39]
- 3** Diutamakan sedekah terhadap saudara-mara yang susah sebelum orang luar. Ini seperti sabda Nabi SAW: "Sedekah kepada orang miskin merupakan (ganjaran) sedekah, manakala sedekah kepada kerabat merupakan (ganjaran) sedekah dan perjalinan (saudara)".

[At-Tirmidzy (658)]

06


MEMBACA AL-QURAN


Diriwayatkan oleh Abdullah Ibn 'Abbas, berkata: "Rasulullah SAW adalah manusia paling pemurah, dan beliau adalah yang paling banyak bersedekah pada bulan Ramadan ketika bertemu dengan Jibril. **Beliau bertemu Jibril setiap malam di bulan Ramadan dan bersama-sama bertadarus Al-Quran.** Sesungguhnya Rasulullah SAW lebih dermawan dalam kebaikan daripada angin yang bertiup kencang".

[Bukhari (3220), Muslim (2308)]

- 1** Sangat digalakkan membaca Al-Quran pada bulan ramadan kerana amal soleh padanya digandakan.
- 2** Disebutkan bahwa Imam Malik bin Anas meninggalkan para penuntut hadis pada bulan Ramadan dan memberi fokus kepada membaca Al-Qur'an. Manakala Imam Syafi'i RA pula membaca 60 kali khatam (selesai) Al-Qur'an dalam bulan Ramadan.

[Al-Mubdi' Fi Syarhil Muqni']





07

BERDOA

Diriwayatkan oleh Aishah RA, dia berkata: **"Rasulullah SAW apabila memasuki sepuluh malam terakhir (Ramadan), beliau mengikat kainnya (tidak mendatangi isterinya), menghidupkan malamnya, dan membangunkan keluarganya."**

[Bukhari (2024), Muslim (1174)]

- 1** Menghidupkan malam adalah dengan melaksanakan ibadah seperti solat, membaca Al-Quran dan berdoa. Ini untuk mengejar lailatul qadr.
- 2** Sufyan al-Thawri berkata: "Doa pada malam itu lebih aku sukai daripada solat" [Lata'iful Ma'arif (337)]. Artinya, banyak berdoa adalah lebih baik daripada solat yang tidak banyak doa di dalamnya. Ini kerana Lailatul qadr antara waktu mustajab.
- 3** Oleh kerana itu, Nabi SAW perintahkan Aishah untuk berdoa ketika 10 malam terakhir dengan doa:

اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّيْ

"Ya Allah Ya Tuhan Kami, sesungguhnya Kamu Maha Pengampun dan amat suka akan keampunan, maka berikanlah keampunan kepadaku"




08

MANDI MALAM DAN BERWANGIAN

“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang)”.

[Surah Al-A'raf, Ayat 31]

- 1** Ibn Jarir berkata: “Mereka (para salaf) menyukai untuk mandi setiap malam dari sepuluh malam terakhir (ramadan). Dan Al-Nakha'i mandi setiap malam dalam sepuluh malam tersebut, dan ada di antara mereka yang mandi dan memakai wangi-wangian pada malam-malam yang dianggap lebih bertepatan dengan malam Lailatul Qadar”. [Lata'iful Ma'arif (336)]
- 2** Ini kerana membersihkan diri dan berwangian disukai ketika perayaan hari raya dan jumaat, maka begitu juga pada malam-malam ramadan terlebih lagi 10 yang terakhir darinya.
- 3** Mandi juga memberikan kecergasan untuk beribadah di waktu malam.



09

SOLAT ISYAK DAN SUBUH BERJEMAAH

Abdurrahman Bin Abi 'Amrah berkata: Usman bin Affan masuk ke dalam masjid selepas solat Maghrib, lalu dia duduk seorang diri. Saya pun duduk mendekatinya, lalu dia berkata: Wahai anak saudara, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: **"Barang siapa yang solat Isyak berjemaah, seakan-akan dia telah mendirikan solat separuh malam, dan barang siapa yang solat Subuh berjemaah, seakan-akan dia telah menunaikan solat sepanjang malam"**.

[Muslim (656)]

- ★ Hadis ini menunjukkan ganjaran solat berjemaah khususnya isyak dan subuh yang di mana pahala setiap darinya bersamaan berqiyamullail atau solat tahajjud selama separuh atau sepanjang malam.

Oleh itu beruntung orang yang solat berjemaah isyak dan subuh, walaupun sepanjang malam mereka rehat di rumah tetapi sudah mendapat pahala berqiyamullail sepanjang malam.

10

BERZIKIR

“Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai”.

[Surah Al-A'raf, Ayat 205]

- ★ Zikir adalah perbuatan seorang hamba menyebut dengan lidah dan mengingat dengan hati nama-nama Allah yang baik dan sifat-sifat-Nya yang agung serta memuji, mengagungkan dan mengesakan-Nya dan bersyukur pada-Nya.
- ★ Berzikir antara amalan yang mudah dilakukan. Contoh, Nabi SAW bersabda: “Dua kalimat yang ringan di lidah, tetapi berat di timbangan, dan sangat disukai oleh Allah Yang Maha Penyayang:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

**“Maha Suci Allah dengan memuji-Nya,
Maha Suci Allah Yang Maha Agung”**

[Bukhari (6406), Muslim (2694)]



**1 MEMINTA
PENGAMPUNAN**



**2 I'TIKAF
DI MASJID**



**3 SOLAT TARAWIH
LENGKAP
BERSAMA IMAM**



4 QIYAMULLAIL



5 BERSEDEKAH



**10 AMALAN
MALAM
TERAKHIR
RAMADAN**


7 BERDOA



6 MEMBACA AL-QURAN



**8 MANDI MALAM
& BERWANGIAN**



**9 SOLAT ISYAK
DAN SUBUH
BERJEMAAH**



10 BERZIKIR



ADAKAH ARTIKEL INI BERMANFAAT BAGI ANDA?



@alkhair.mosque

Ikuti kami untuk lebih banyak ilmu
dan kandungan bermanfaat.

Kongsi artikel ini dengan orang tersayang!

SOKONG DAKWAH, GANDAKAN PAHALA!

Jangan lepaskan peluang beramal di saat paling
mustajab. Sokong dakwah, bantu Masjid Al-Khair
terus menyebarkan ilmu dan kebajikan.

Sumbang sekarang di:

contribute.alkhair.sg

